



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Public Service Department, Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-88853001
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

JPA.800-1/6/4 (3)

(2) Mei 2020

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Ketua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

MUAT TURUN APLIKASI MYSEJAHTERA DAN MYTRACE

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, Kerajaan telah memberi sepenuh komitmen dan fokus terhadap usaha membendung penularan wabak penyakit COVID-19 secara berterusan demi kesejahteraan rakyat dan negara.
3. Usaha membendung penularan wabak penyakit COVID-19 ini turut merangkumi pembangunan aplikasi-aplikasi telefon pintar seperti berikut:
 - (i) **MySejahtera** - Aplikasi ini dibangunkan untuk membolehkan pengguna melaksanakan penilaian kesihatan kendiri bagi mengetahui risiko terhadap jangkitan COVID-19. Pada masa yang sama ianya membantu pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mendapat maklumat awal untuk mengambil tindakan yang cepat dan berkesan.
 - (ii) **MyTrace** - Aplikasi ini dibangunkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk membolehkan Kerajaan melaksanakan pengesanan kontak menerusi teknologi *Bluetooth*. Pengguna akhir bagi keseluruhan data bagi kedua-dua aplikasi MySejahtera dan MyTrace ini dikendalikan sepenuhnya dan dibawah tanggungjawab pihak KKM.

4. Berdasarkan pemantauan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan KKM, peratusan penggunaan aplikasi-aplikasi di atas masih rendah khususnya di kalangan rakyat Malaysia. Peratusan yang rendah ini menjadikan Kerajaan sukar untuk mendapatkan maklumat yang tepat mengenai keadaan penularan COVID-19 dari kalangan rakyat Malaysia. Justeru, bagi menjayakan usaha kerajaan ini, semua penjawat awam digalakkan untuk mendaftar dan memuat turun aplikasi MySejahtera dan MyTrace dalam telefon pintar masing-masing untuk membantu dan memastikan ia dapat memberi impak terhadap usaha Kerajaan menangani penularan wabak COVID-19.


5. Sehubungan dengan itu, saya menggesa agar pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan memastikan setiap penjawat awam di kementerian/jabatan seliaan masing-masing untuk mendaftar dan memuat turun aplikasi-aplikasi tersebut.

6. Kerjasama daripada YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dalam memastikan arahan ini dipatuhi amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK MOHD KHAIRUL ADIB BIN ABD RAHMAN)